

PENGUASAAN PUISI KLASIK BAHASA CINA TAHUN 3 MELALUI NYANYIAN

MASTERY OF STANDARD 3 CHINESE CLASSICAL POEMS THROUGH SINGING

¹Tiew Synman

²Lee Leh Hong (PhD)

Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

¹liliantiew@hotmail.com

ABSTRAK

Penguasaan puisi klasik sejak di bangku sekolah penting dalam pembentukan individu yang seimbang terutamanya dari segi intelek dan rohani. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan nyanyian terhadap penguasaan puisi klasik Bahasa Cina murid Tahun 3 dari segi kemahiran menghafal dan kelancaran mendeklamasi puisi klasik. Kajian ini berbentuk kuantitatif (kuasi eksperimental ujian pra-pasca satu kumpulan) yang melibatkan satu kumpulan responden yang terdiri daripada 32 orang murid Tahun 3. Kumpulan responden tersebut menjalani ujian pra pada awal kajian dan ujian pasca selepas kaedah nyanyian sebagai rawatan diberikan dalam pengajaran puisi klasik. Data kajian yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Packages for Social Science 22.0 (SPSS) melalui analisis ujian-t untuk pengukuran berulangan (paired samples t-test). Analisis deskriptif seperti kekerapan dan peratus juga digunakan untuk data ujian tambahan dua buah puisi klasik yang berlainan selepas rawatan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kemahiran menghafal puisi klasik Bahasa Cina dalam kalangan murid yang menggunakan kaedah nyanyian ($t = -9.97$, $df = 31$, $p < .05$) dan terdapat perbezaan yang signifikan dalam kelancaran mendeklamasi puisi klasik Bahasa Cina dalam kalangan murid yang menggunakan kaedah nyanyian ($t = -11.28$, $df = 31$, $p < .05$). Hasil analisis deskriptif untuk data ujian tambahan juga menunjukkan bahawa kaedah nyanyian memberi impak positif terhadap penguasaan puisi klasik sama ada puisi klasik yang terdiri daripada lima mahupun tujuh perkataan dalam sebaris. Kesimpulannya, kaedah nyanyian merupakan kaedah yang berkesan untuk meningkatkan daya ingatan murid terhadap puisi klasik serta membantu murid dalam kelancaran mendeklamasi puisi klasik.

Kata kunci: nyanyian, kemahiran menghafal, kelancaran mendeklamasi, puisi klasik

ABSTRACT

The mastery of Chinese classical poems is important for the development of a balanced individual especially in terms of intellectual and spiritual. The purpose of this study is to identify the effectiveness of singing on the mastery of Chinese classical poems in terms of memorization skills and fluency in reciting classical poems for Year 3 pupils. This is a one group pretest-posttest quasi experimental design study involving one group of participants which consists of 32 Year 3 pupils. This group of pupils had undergone pretest at the beginning and posttest after the singing method as a treatment was given in the classical poetry class. The data collected was analysed using Statistical Package for Social Science 22.0 (SPSS) using paired samples t-test. Descriptive analysis such as frequency and percentage was used for the additional test data of two extra classical poems after treatment. The findings showed that there is a significant difference in Chinese classical poems memorisation skills among pupils using singing method ($t = -9.97$, $df = 31$, $p < .05$) and there is a significant difference in the fluency of reciting Chinese classical poems among pupils using singing method ($t = -11.28$, $df = 31$, $p < .05$). Descriptive analysis results for additional test data also indicated that singing method has a positive impact on the mastery of classical poems which consists of five or

seven words in a row. In conclusion, singing is an effective way to improve pupil's memory of classical poems and help in the fluency of reciting classical poems.

Keywords: singing, memorisation skills, fluency in reciting, classical poems

Pengenalan

Puisi merupakan genre sastera yang abstrak, indah dari segi bahasa dan mempunyai makna yang bernilai (Wiwit Handayati, Syahrul & Afnita, 2013). Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Cina, murid-murid wajib menghafal sepuluh buah puisi klasik Bahasa Cina setiap tahun dan mendeklamasikannya dengan lancar (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2012). Namun, menurut Zhang (2016), kebanyakan murid kurang berminat terhadap puisi klasik kerana kebanyakan guru mengajar murid untuk menghafal sahaja tanpa memahami gambaran puisi klasik. Menurut He (2015), sebanyak 80 peratus guru Bahasa Cina menggunakan strategi berpusatkan guru semasa pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) puisi klasik di mana murid hanya mendengar penerangan guru dan seterusnya menghafal sahaja. Hal ini menyebabkan murid tidak dapat mengingati puisi klasik dalam jangka masa panjang dan tidak dapat mendeklamasi dengan lancar.

Seseorang guru yang kreatif dapat memotivasi murid-murid dalam proses pembelajaran (Aritonang, 2008). Justeru, guru haruslah menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai agar murid dapat menguasai, menghafal serta mendeklamasi puisi klasik dengan lancar. Hal ini berpadan dengan elemen Standard 4 dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) 2017 iaitu PdPc di mana guru harus berperanan sebagai perancang, pengawal, pembimbing, pendorong, penilai serta memastikan murid bertindak sebagai pembelajar aktif.

Berdasarkan prinsip Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), pendekatan bersepada menggalakkan penyerapan pelbagai bidang ilmu dalam mata pelajaran dan merentasi mata pelajaran (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Rini Lestari (2012) pernah menyatakan bahawa nyanyian merupakan kaedah yang kreatif dan inovatif kerana ia adalah sebahagian daripada kehidupan kanak-kanak. Kombinasi nyanyian dengan puisi dapat meninggalkan kesan mendalam dalam memori serta membantu murid untuk meningkatkan kelancaran lisan (Zhang & Chen, 2014). Oleh itu, kajian ini mengkaji tentang keberkesanan kaedah nyanyian terhadap penguasaan puisi klasik Bahasa Cina murid Tahun 3.

Sorotan Literatur

Kajian terhadap penggunaan kaedah nyanyian dalam PdPc telah banyak dijalankan oleh para penyelidik. Pertama sekali, dalam kajian Hamisan Salim (2010), purata min bagi persoalan kajian tentang penggunaan lagu terhadap keberkesanan hasil kerja dan daya ingatan murid dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup ialah 4.78 (tahap tinggi). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa penggunaan lagu dalam PdPc mata pelajaran Kemahiran Hidup adalah efektif untuk meningkatkan keberkesanan hasil kerja serta daya ingatan mereka.

Dalam kajian Nur Farhanah Mohd Amin (2011), pengkaji menggunakan kaedah nyanyian untuk meningkatkan ingatan murid dalam fakta Sains. Berdasarkan dapatan kajiannya, terdapat peningkatan yang positif dalam gred markah ujian. Dalam Ujian Pra, antara 10 responden, 10% mendapat gred C dan 90% mendapat gred D bagi tajuk 'kitaran air'. Dengan menggunakan kaedah nyanyian dalam PdPc, 40% mendapat gred A, 40% mendapat gred B dan 20% mendapat gred C dalam Ujian Pasca. Hasil analisis data juga menunjukkan peningkatan nilai min ujian iaitu dari 32.0 kepada 51.0. Keputusan kajian ini membuktikan bahawa penggunaan kaedah nyanyian berjaya membantu murid untuk mengingat proses 'Kitaran Air' bagi mata pelajaran Sains.

Hasil kajian Mohd Izzuddin Akmal Rusmi (2011) pula menunjukkan bahawa perubahan peningkatan yang positif dalam kemahiran mengingat nama-nama malaikat setelah kaedah nyanyian melodi ria digunakan. Perbezaan min antara ujian pra dan pasca adalah sebanyak 55.1%. Perubahan positif ini telah membuktikan bahawa kaedah nyanyian adalah berkesan untuk meningkatkan kemahiran mengingat murid dan merangsang minat murid untuk belajar.

Di samping itu, berdasarkan kajian Good (2011), pembelajaran melalui kaedah nyanyian dapat meningkatkan memori verbatim murid terhadap petikan Bahasa Inggeris. Ujian-t untuk sampel bebas (independent t-test) dijalankan dan dapatan kajiannya menunjukkan bahawa kumpulan murid yang menggunakan kaedah nyanyian dapat mengingati lebih banyak perkataan dalam petikan ($M=7.8$, $SD=3.6$) berbanding dengan kumpulan yang menggunakan kaedah bertutur [$M=2.47$, $SD =2.27$, $t (31) = 5.26$, $p < .001$]. Hal ini menunjukkan bahawa daya ingatan murid dapat ditingkatkan melalui penggunaan kaedah nyanyian dalam PdPc.

Kajian penggunaan lagu untuk meningkatkan kemahiran lisan dalam Bahasa Inggeris juga telah dijalankan oleh Romero, Bernal dan Olivares (2012). Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengintegrasian muzik dalam PdPc dapat membentuk persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan serta membantu murid dalam penguasaan kemahiran lisan dan kelancaran pertuturan.

Dalam kajian Muhammad Syafiq Norazami (2013), dapatan kajian telah menunjukkan peningkatan dalam kefahaman dan daya ingatan murid untuk mengenal nama, simbol dan fungsi komponen elektronik mata pelajaran Kemahiran Hidup. Terdapat 92% murid kelas rawatan mendapat skor A dalam ujian pasca manakala kelas kawalan hanya sebanyak 31% sahaja. Secara ringkasnya, kaedah nyanyian bukan sahaja dapat memudahkan murid untuk memahami isi pelajaran yang disampaikan, malah juga dapat meningkatkan daya ingatan murid.

Tambahan pula, hasil kajian Ludke, Ferreira dan Overy (2014) telah menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran melalui nyanyian boleh meningkatkan memori verbatim bagi frasa bahasa asing yang dituturkan. Keputusan bagi kedua-dua ujian yang dijalankan iaitu peserta dikehendaki untuk mengimbas kembali serta bertutur frasa Hungary dengan lancar adalah signifikan ($p < .05$). Seterusnya, antara kaedah nyanyian, kaedah bertutur dan pertuturan berirama, skor min bagi kumpulan yang menggunakan kaedah nyanyian adalah tertinggi dalam empat daripada lima ujian. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara kaedah nyanyian, daya ingatan dan kelancaran bertutur.

Kajian tentang kesan muzik terhadap daya ingatan jangka pendek dan panjang telah dijalankan oleh Miller (2017). Berdasarkan dapatan kajiannya, skor bagi kumpulan responden yang menggunakan kaedah nyanyian ($M=211.29$, $SE= 3.92$) adalah lebih tinggi daripada kumpulan yang menggunakan pertuturan biasa ($M= 209.09$, $SE= 3.87$). Peningkatan positif ini menunjukkan bahawa kaedah nyanyian dapat membantu untuk meningkatkan daya ingatan murid.

Terdapat juga penggunaan kaedah nyanyian dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) seperti dalam kajian Norhashyimah Hamzah et.al (2018). Berdasarkan dapatan kajiannya, jumlah min skor bagi konstruk daya ingatan adalah 4.66 (tahap tinggi). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan kaedah nyanyian sesuai dipraktikkan di kalangan sekolah rendah kerana ia bukan sahaja mampu menarik minat murid, maka juga dapat meningkatkan daya ingatan murid untuk menguasai sesuatu topik dalam mata pelajaran RBT.


Secara ringkasnya, terdapat pelbagai kajian yang mengkaji tentang penggunaan kaedah nyanyian untuk meningkatkan daya ingatan murid dalam pelbagai mata pelajaran serta kelancaran pertuturan. Namun, kajian tentang keberkesanan nyanyian terhadap penguasaan puisi klasik Bahasa Cina adalah terhad dalam konteks Malaysia. Oleh itu, kajian ini berfokus pada keberkesanan nyanyian terhadap penguasaan puisi klasik Bahasa Cina terutamanya dari aspek kemahiran menghafal dan kelancaran mendeklamasi puisi klasik.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kuasi eksperimental ujian pra pasca satu kumpulan berbentuk kuantitatif yang dijalankan ke atas sekumpulan responden yang terdiri daripada 32 orang murid Tahun 3. Sampel tidak dipilih secara rawak kerana ditentukan oleh pihak pentadbir sekolah. Instrumen kajian ialah borang senarai semak bersama dengan rubrik pentaksiran. Terdapat empat kriteria dalam borang tersebut, antaranya termasuklah ketepatan menghafal puisi klasik dalam urutan yang betul, kelancaran mendeklamasi puisi klasik, sebutan dan keyakinan. Skala lima mata juga digunakan dalam borang senarai semak. Skor diberikan bagi setiap kriteria berdasarkan rubriks pentaksiran.

Bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, borang senarai semak bersama dengan rubrik pentaksiran telah disahkan terlebih dahulu oleh penyelia sebelum digunakan di lapangan. Seterusnya, pengkaji merujuk seorang pensyarah Bahasa Cina di Institusi Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas bagi memastikan kriteria-kriteria penguasaan puisi klasik Bahasa Cina serta ulasan bagi setiap kriteria adalah sesuai dan relevan.

Sebelum menjalankan kajian, pengkaji mendapatkan kebenaran daripada pihak sekolah. Kemudian, pengkaji memberi ujian pra puisi klasik *Cun Ju* (村居) kepada responden selepas pengajaran puisi klasik yang menggunakan kaedah konvensional. Dalam kajian ini, pengkaji mencipta melodi dan irama yang sesuai dengan puisi klasik untuk dinyanyikan oleh responden. Dari segi irama, ia dicipta berdasarkan jeda mendeklamasi puisi klasik dan bersifat berulang-ulang sepanjang lagu. Puisi klasik *Cun Ju* (村居) terdiri daripada empat baris ayat dan setiap baris mengandungi tujuh patah perkataan. Oleh sebab jeda untuk mendeklamasi puisi klasik ini adalah “2/2/3”, justeru pengkaji mencipta motif corak irama yang diulangi bagi keempat-empat baris ayat dengan menggunakan nilai krochet dan minim.



Rajah 1. Motif corak irama dalam puisi klasik *Cun Ju* (村居)


Dari segi melodi bagi puisi klasik *Cun Ju* (村居), ia bernada major kerana puisi ini menggambarkan suasana ceria di luar bandar. Melodi yang dicipta sesuai dengan renj suara murid Tahun 3 iaitu dalam lingkungan not B3 hingga D5 yang merupakan tesitura suara (*average renj*) golongan tersebut (Pravina Manoharan, 2007). Teknik *arpeggio* digunakan dalam melodi puisi tersebut kerana menurut McQuiston (2013), melodi dalam bentuk *arpeggio* dapat menggambarkan kegembiraan dan kebahagiaan. Melodi bertangga juga telah digunakan supaya lebih mudah untuk dinyanyikan oleh responden.



Rajah 2. Contoh melodi yang dicipta bagi puisi klasik *Cun Ju* (村居)


Setelah responden menerima rawatan (kaedah nyanyian) semasa pembelajaran puisi klasik *Cun Ju* (村居), maka ujian pasca puisi klasik dilaksanakan. Bagi mengukuhkan dan menyokong dapatan kajian pra pasca untuk puisi klasik *Cun Ju* (村居), kaedah nyanyian juga digunakan dalam pengajaran dua buah puisi klasik lagi iaitu *Jiang Shang Yu Zhe* (江上渔者) serta *Si Shi Tian Yuan Za Xing* (四时田园杂兴).

Seperti biasa, irama dicipta berdasarkan jeda mendeklamasi puisi klasik tersebut. Puisi klasik *Jiang Shang Yu Zhe* (江上渔者) terdiri daripada lima patah perkataan dalam sebaris. Jeda untuk mendeklamasi puisi ini adalah “2/3”. Oleh itu, motif corak irama yang dicipta untuk puisi ini adalah berbeza dengan puisi klasik *Cun Ju* (村居), iaitu mengandungi nilai krocet dan semibrief.




Rajah 3. Motif corak irama dalam puisi klasik *Jiang Shang Yu Zhe* (江上渔者)

Puisi klasik *Jiang Shang Yu Zhe* (江上渔者) telah memberi gambaran tentang kehidupan nelayan di kampung yang tenang. Justeru, nada major digunakan dan melodinya berada dalam lingkungan not B3 hingga D5 agar lebih mudah dinyanyikan oleh responden yang berumur 9 tahun. Pergerakan melodinya berlaku secara bertangga, mendatar dan sedikit melompat. Hal ini kerana pergerakan melodi sedemikian dapat menggambarkan situasi nelayan menangkap ikan di dalam laut yang kadang-kadang tenang, kadang-kadang berombak.



Rajah 4. Contoh melodi yang dicipta bagi puisi klasik *Jiang Shang Yu Zhe* (江上渔者)

Seterusnya, bagi puisi klasik *Si Shi Tian Yuan Za Xing* (四时田园杂兴) pula, ia mempunyai tujuh patah perkataan dalam sebaris yang serupa dengan puisi klasik *Cun Ju* (村居). Oleh itu, motif corak irama yang sama digunakan kerana jeda untuk mendeklamasi puisi ini adalah “2/2/3”.



Rajah 5. Motif corak irama dalam puisi klasik *Si Shi Tian Yuan Za Xing* (四时田园杂兴)

Dari segi melodi pula, nada major digunakan dalam puisi klasik *Si Shi Tian Yuan Za Xing* (四时田园杂兴) yang menerangkan kehidupan buruh petani yang gembira di kampung. Melodi dalam puisi klasik ini juga menepati kenyataan Pravina Manoharan (2007), iaitu berada dalam lingkungan not B3 hingga D5 yang merupakan purata renj suara responden kajian ini. Selain itu,

pergerakan melodi secara mendatar dan bertangga banyak digunakan dalam ciptaan melodi puisi tersebut. Pergerakan melodi secara mendatar dapat menggambarkan kesungguhan buruh petani semasa bekerja manakala melodi bertangga pula digunakan supaya lebih mudah dinyanyikan.



Rajah 6. Contoh melodi yang dicipta bagi puisi klasik *Si Shi Tian Yuan Za Xing* (四时田园杂兴)

Ujian pasca yang sama dilaksanakan selepas responden menerima rawatan. Data mentah daripada borang senarai semak telah dijumlahkan mengikut empat kriteria untuk memudahkan penganalisisan data seterusnya.

Data kajian yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science 22.0* (SPSS) melalui analisis ujian-t untuk pengukuran berulangan (*paired samples t-test*). Analisis deskriptif seperti kekerapan dan peratus juga dijalankan dengan menggunakan hampanan elektronik untuk data ujian tambahan dua buah puisi klasik selepas rawatan.

Keputusan dan Perbincangan

Data yang diperolehi daripada keputusan kajian dianalisis dengan ujian-t untuk pengukuran berulangan (*paired samples t-test*) bagi menguji dua hipotesis kajian ini. Kaedah analisis statistik deskriptif iaitu kekerapan dan peratus juga digunakan bagi ujian tambahan puisi klasik *Jiang Shang Yu Zhe* (江上渔者) dan *Si Shi Tian Yuan Za Xing* (四时田园杂兴).

Adakah kaedah nyanyian dapat membantu murid Tahun 3 untuk menguasai kemahiran menghafal puisi klasik Bahasa Cina?

Ho₁: Tiada perbezaan yang signifikan dalam kemahiran menghafal puisi klasik Bahasa Cina dalam kalangan murid yang menggunakan kaedah nyanyian.

Ha₁: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam kemahiran menghafal puisi klasik Bahasa Cina dalam kalangan murid yang menggunakan kaedah nyanyian.

Jadual 1

Ujian-t untuk pengukuran berulangan bagi kemahiran menghafal puisi klasik Cun Ju (村居)

	Min	Sisihan Piawai	t	df	Signifikan
Ujian Pra -Ujian Pasca	-2.53	1.44	-9.97	31	.000

Jadual 1 menunjukkan ujian-t untuk pengukuran berulangan bagi menguji perbezaan dalam kemahiran menghafal puisi klasik Bahasa Cina dalam kalangan murid yang menggunakan kaedah nyanyian. Berdasarkan Jadual 1, keputusan kajian adalah signifikan ($t = -9.97$, $df = 31$, $p < .05$). Oleh itu, pengkaji menolak hipotesis nul. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kemahiran menghafal puisi klasik Bahasa Cina dalam kalangan murid yang menggunakan kaedah nyanyian. Dapatkan kajian ini menepati dapatan kajian Mohd Izzuddin Akmal Rusmi (2011) yang mengatakan bahawa penggunaan kaedah nyanyian dalam PdPc dapat meningkatkan daya ingatan murid terhadap sesuatu topik. Penggunaan otak kanan dan kiri secara harmoni membolehkan murid merasakan keseronokan belajar dan berupaya meningkatkan daya ingatan dengan baik (Kamarudin Husin, 2010).

Adakah kaedah nyanyian dapat membantu murid Tahun 3 untuk menguasai kelancaran mendeklamasi puisi klasik Bahasa Cina?

Ho₂: Tiada perbezaan yang signifikan dalam kelancaran mendeklamasi puisi klasik Bahasa Cina

dalam kalangan murid yang menggunakan kaedah nyanyian.

Ha₂: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam kelancaran mendeklamasi puisi klasik Bahasa Cina dalam kalangan murid yang menggunakan kaedah nyanyian.

Jadual 2

Ujian-t untuk pengukuran berulangan bagi kelancaran mendeklamasi puisi klasik Cun Ju (村居)

	Min	Sisihan Piawai	t	df	Signifikan
Ujian Pra -Ujian Pasca	-2.53	1.27	-11.28	31	.000

Jadual 2 memperlihatkan ujian-t untuk pengukuran berulangan bagi menguji perbezaan dalam kelancaran mendeklamasi puisi klasik Bahasa Cina dalam kalangan murid yang menggunakan kaedah nyanyian. Berdasarkan Jadual 2, keputusan kajian adalah signifikan ($t = -11.28$, $df = 31$, $p < .05$). Maka, hipotesis nul juga ditolak. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kelancaran mendeklamasi puisi klasik Bahasa Cina dalam kalangan murid yang menggunakan kaedah nyanyian. Dapatkan kajian ini menepati dapatan kajian Romero, Bernal dan Olivares (2012) yang menunjukkan bahawa penggunaan kaedah nyanyian dapat membantu murid dalam penguasaan kemahiran lisan dan kelancaran pertuturan. Kombinasi muzik dengan puisi dapat membantu murid untuk mengelakkan pertuturan bahasa yang berputus-putus, sebaliknya mencapai kelancaran pertuturan yang baik (Zhang & Chen, 2014).

Ujian tambahan puisi klasik *Jiang Shang Yu Zhe* (江上漁者) dan *Si Shi Tian Yuan Za Xing* (四时田园杂兴) telah diberi kepada responden yang sama. Selepas rawatan diberikan, kemahiran menghafal dan kelancaran mendeklamasi puisi klasik diuji dengan borang senarai semak yang sama. Jadual 3

Keputusan ujian kemahiran menghafal puisi klasik Jiang Shang Yu Zhe (江上漁者) dan *Si Shi Tian Yuan Za Xing* (四时田园杂兴)

Skor	<i>Jiang Shang Yu Zhe</i> (江上漁者) Peratus (%)	<i>Si Shi Tian Yuan Za Xing</i> (四时田园杂兴) Peratus (%)
Amat baik	5	62.50
Baik	4	18.75
Sederhana	3	12.50
Memuaskan	2	6.25
Kurang Memuaskan	1	0

Jadual 3 menunjukkan keputusan ujian kemahiran menghafal puisi klasik *Jiang Shang Yu Zhe* (江上漁者) dan *Si Shi Tian Yuan Za Xing* (四时田园杂兴) selepas kaedah nyanyian diimplementasikan dalam pengajaran puisi klasik. Lebih daripada separuh jumlah responden telah berjaya menghafal seluruh puisi klasik dengan amat tepat mengikut urutan yang betul dan mendapat skor 5 dalam ujian bagi kedua-dua buah puisi klasik, antaranya ialah 62.50% bagi puisi klasik *Jiang Shang Yu Zhe* (江上漁者) dan 59.38% bagi puisi klasik *Si Shi Tian Yuan Za Xing* (四时田园杂兴). Ini menunjukkan bahawa penggunaan kaedah nyanyian berjaya membantu murid untuk mengingati sesuatu fakta dengan lebih mudah (Nur Farhanah Mohd Amin, 2011; Miller, 2017).

Jadual 4

Keputusan ujian kelancaran mendeklamasi puisi klasik Jiang Shang Yu Zhe (江上漁者) dan *Si Shi Tian Yuan Za Xing* (四时田园杂兴)

Skor	<i>Jiang Shang Yu Zhe</i> (江上漁者) Peratus (%)	<i>Si Shi Tian Yuan Za Xing</i> (四时田园杂兴) Peratus (%)
Amat baik	5	50.00
Baik	4	28.13
Sederhana	3	15.62
Memuaskan	2	6.25
Kurang Memuaskan	1	0

Berdasarkan Jadual 4, keputusan ujian kelancaran mendeklamasi kedua-dua buah puisi klasik adalah positif. Lebih kurang separuh daripada jumlah responden berjaya mendeklamasi puisi klasik dengan amat lancar tanpa gagap, terputus-putus dan pengulangan perkataan dan mendapat skor 5 dalam ujian ini, iaitu 50.00% bagi puisi klasik *Jiang Shang Yu Zhe* (江上渔者) dan 46.88% bagi puisi klasik *Si Shi Tian Yuan Za Xing* (四时田园杂兴). Dapatan ini menepati dapatan kajian Ludke, Ferreira dan Overy (2014) yang menunjukkan bahawa kelancaran murid dalam pertuturan dapat ditingkatkan melalui pengintegrasian kaedah nyanyian dalam PdPc. Kombinasi muzik dengan puisi klasik dapat menjadikan puisi klasik lebih mudah dideklamasi dengan lancar (Zhang, 2016).

Rumusan

Sebagai kesimpulannya, kaedah nyanyian adalah berkesan terhadap penguasaan puisi klasik Bahasa Cina murid Tahun 3 dari segi kemahiran menghafal dan kelancaran mendeklamasi puisi klasik. Berdasarkan dapatan kajian, ia menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kemahiran menghafal puisi klasik Bahasa Cina dalam kalangan murid yang menggunakan kaedah nyanyian ($t = -9.97$, $df = 31$, $p < .05$). Dapatan ini menepati dapatan Nur Farhanah Mohd Amin (2011) yang menunjukkan bahawa penggunaan kaedah nyanyian berjaya membantu murid untuk mengingati sesuatu fakta dengan lebih mudah. Gabungan otak kiri dan otak kanan secara harmoni amat penting untuk menghasilkan pembelajaran yang optimum (Abdul Fatah Hassan, 2008).

Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kelancaran mendeklamasi puisi klasik Bahasa Cina dalam kalangan murid yang menggunakan kaedah nyanyian ($t = -11.28$, $df = 31$, $p < .05$). Dapatan ini menepati dapatan kajian Romero, Bernal dan Olivares (2012) yang menunjukkan bahawa penggunaan kaedah nyanyian dapat meningkatkan kemahiran lisan dan membantu murid untuk bertutur dengan lancar. Zhang (2016) menerangkan bahawa kombinasi muzik dengan puisi klasik dapat menjadikan puisi klasik lebih mudah untuk dideklamasikan. Pendek kata, penggunaan kaedah nyanyian berjaya membantu murid untuk mendeklamasi puisi klasik Bahasa Cina dengan lancar. Tambahan pula, dapatan kedua-dua buah puisi klasik tambahan telah membuktikan sekali lagi bahawa kaedah nyanyian memberi impak positif dalam membantu murid untuk menguasai puisi klasik Bahasa Cina. Pendek kata, kombinasi muzik iaitu nyanyian dengan puisi klasik berjaya meninggalkan kesan yang mendalam dalam memori murid serta meningkatkan kelancaran dalam pertuturan sejajar dengan kenyataan Zhang dan Chen (2014).

Sebagai cadangan kajian lanjutan, pengkaji mencadangkan supaya reka bentuk kuasi eksperimental yang merangkumi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan digunakan agar dapatan kajian yang diperolehi tepat tanpa dijejaskan oleh sebarang ancaman. Selain itu, oleh sebab bukan semua orang mempunyai kemahiran dalam mencipta lagu, maka pengkaji mencadangkan penyelidik agar menggunakan lagu kanak-kanak sedia ada yang biasa didengari dalam kehidupan sehari-hari, tetapi mengubah liriknya kepada isi pelajaran untuk dinyanyikan. Sementara itu, menurut Yeo (2016), pergerakan dapat mempengaruhi otak supaya menjadi lebih aktif dan menarik perhatian murid untuk belajar. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar pengkaji lain mengintegrasikan kaedah nyanyian dan pergerakan fizikal (nyanyian kinestetik) supaya dapat membentuk persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan menggalakkan penglibatan aktif murid.

Akhir kata, kajian ini telah membawa implikasi kepada beberapa pihak, iaitu pihak Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), guru dan murid. Bagi pihak IPGM, disarankan agar kursus pengintegrasian Muzik ke dalam mata pelajaran yang lain ditawarkan dan didedahkan kepada siswa guru secara teoritikal dan praktikal agar siswa guru mengetahui cara untuk mengimplementasikan elemen Muzik seperti nyanyian dalam PdPc mengikut kesesuaian topik yang diajari. Pensyarah di IPG boleh menjadi teladan baik kepada siswa guru dengan mengintegrasikan kaedah nyanyian dalam penyampaian kuliah agar siswa guru dapat merasai keseronokan dan keberkesanannya terhadap diri sendiri secara langsung, seterusnya meneladani cara pensyarah mengintegrasikan kaedah nyanyian dalam PdPc. Selain itu, guru bukan sahaja boleh mengaplikasikan kaedah nyanyian dalam pengajaran

puisi klasik malah juga boleh menggunakannya untuk membantu murid dalam pembelajaran bahasa sama ada dari aspek penguasaan kosa kata, kemahiran mengingati perkataan serta kelancaran membaca, bertutur ataupun menulis.

Golongan kanak-kanak merupakan golongan yang suka menyanyi (Reney Pantun, 2016). Melalui kaedah nyanyian, murid-murid lebih berminat dan mudah menguasai puisi klasik dari segi kemahiran menghafal dan kelancaran mendeklamasi puisi klasik. Selain daripada puisi klasik, murid boleh menggunakan kaedah nyanyian dalam topik-topik yang sukar diingati atau kurang dikuasai semasa pembelajaran kendiri. Melalui cara belajar sambil menyanyi, murid dapat belajar dalam keadaan yang menyeronokkan di samping dapat menguasai sesuatu topik dengan lebih mudah.

Rujukan

- Abdul Fatah Hassan. (2008). *Pengurusan minda yang optimum dalam kehidupan*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Aritonang, K.T. (2008). Minat dan motivasi dalam meningkatkan hasil belajar siswa. *Jurnal Pendidikan Penabur*, 10(6), 11-21.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2012). *Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran Bahasa Cina*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Buku penerangan kurikulum standard sekolah rendah*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Good, A. (2011). *The efficacy of singing in foreign-language learning*. Ontario: Ryerson University.
- Hamisan Salim. (2010). *Penggunaan muzik dalam pembelajaran dan pengajaran kerja amali Kemahiran Hidup sekolah rendah*. Johor: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- He, X. M. (2015, May 5). *Status pembelajaran puisi klasik murid sekolah rendah*. Retrieved from http://blog.sina.com.cn/s/blog_12d54cc8a0102vflf.html
- Kamarudin Husin. (2010). *Psikologi pembelajaran*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ludke, K. M., Ferreira, F., & Overy, K. (2014). Singing can facilitate foreign language learning. *Memory and Cognition*, 42(1), 41-52.
- McQuiston, K. (2013). *We'll meet again: Musical design in the films of Stanley Kubrick*. New York: Oxford University Press.
- Miller, A. (2017). *The effects of music on short-term and long-term memory*. University of Iowa.
- Mohd Izzudin Akmal Rusmin. (2011). *Kemahiran mengingat nama 10 malaikat bagi murid Tahun 2 Delima SK Kampung Gemuroh*. Kuala Terengganu: Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail.

Muhammad Syafiq Norazami. (2013). *Keberkesanan penggunaan teknik nyanyian dalam meningkatkan ingatan dan kefahaman murid dalam tajuk mengenal nama komponen, simbol, dan fungsi dalam elektrik dan elektronik Tahun 5*. Negeri Sembilan: Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik.

Norhasyimah Hamzah, Roziyati Omar, Arihasnida Ariffin, Siti Nur Kamariah Rubani, & Tamil Selvan Subramaniam. (2018). *Penggunaan kaedah nyanyian dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi*. Johor: Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Nur Farhanah Mohd Amin. (2011). *Keberkesanan kaedah nyanyian dalam meningkatkan ingatan murid Tahun 5 bagi tajuk 'Kitaran Air'*. Kuala Terengganu: Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail.

Pravina Manoharan. (2007). *HBMS2103 Pengajaran Muzik*. Seri Kembangan: Meteor Doc. Sdn. Bhd.

Reney Pantun. (2016, Oktober 25-27). Penggunaan teknik nyanyian dalam meningkatkan kefahaman murid Tahun Dua dalam topik Pembundaran. *Proceeding of ICECRS*, 1, pp. 677-686.

Rini Lestari. (2012). Nyanyian sebagai metode pendidikan karakter pada anak. *Prosiding Seminar Nasional Psikologi Islami*, (pp. 131-136). Surakarta.

Romero, M. D., Bernal, L. T., & Olivares, M. C. (2012, April). Using songs to encourage sixth graders to develop English speaking skills. *14*(1), 11-28.

Wiwit Handayati, Syahrul R., & Afnita. (2013). *Keefektifan penggunaan media lagu dalam pembelajaran menulis puisi siswa kelas IX SMPN 5 Lubuk Basung*. Indonesia: Fakulti Bahasa dan Sastera Universiti Negeri Padang.

Yeo, X. Y. (2016). *Integrasi muzik dan pergerakan dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik (Operasi Nombor) terhadap murid-murid Tahun Satu*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Zhang, H., & Chen, Z. Y. (2014). *Chinese through song*. United States of America: University of New York Press.

Zhang, J. X. (2016, December 21). *Cara-cara yang berkesan untuk menghafal dan mendeklamasi puisi klasik Bahasa Cina sekolah rendah*. Retrieved from <https://www.lunwendata.com/thesis/2016/90306.html>